

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**

**BILANGAN 14 TAHUN 2015**

**PENETAPAN TEMPOH MASA BAGI PENDAFTARAN KELULUSAN  
PINDAHMILIK DI BAWAH 13A ENAKMEN REZAB MELAYU 1930,  
SEKSYEN 104 ENAKMEN-TANAH KELANTAN 1938,  
SEKSYEN 120 DAN SEKSYEN 214A KANUN TANAH NEGARA 1965**

---


Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai penetapan tempoh masa bagi pendaftaran kelulusan pindahmilik di bawah 13A Enakmen Rezab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 120 dan Seksyen 214A Kanun Tanah Negara 1965.

2. Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang kali ke 19 pada 30 September 2015 telah bersetuju meluluskan penetapan tempoh masa bagi pendaftaran kelulusan pindahmilik di bawah 13A Enakmen Rezab Melayu 1930, Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938, Seksyen 120 dan Seksyen 214A Kanun Tanah Negara 1965.
3. Sehubungan dengan itu, Sijil kebenaran urusniaga dan apa – apa kelulusan berkaitan dengan sebarang urusniaga di bawah Kanun Tanah Negara 1965 hendaklah sah laku untuk tempoh empat ( 4 ) bulan daripada tarikh sijil dikeluarkan atau tarikh kelulusan berkaitan urusniaga dikeluarkan. Sijil kelulusan akan terbatal dengan sendirinya sekiranya pendaftaran kelulusan pindahmilik tidak dilaksanakan dalam tempoh tersebut.

4. Pembatalan kelulusan tersebut boleh dipertimbangkan oleh Pengarah Tanah dan Galian Kelantan bagi pelanjutan tempoh dengan syarat hendaklah dibuat dari sebulan ke sebulan dengan dua ( 2 ) kali permohonan. Walaubagaimanapun, tempoh pelanjutan keseluruhannya hendaklah tidak melebihi dua ( 2 ) bulan. Permohonan pelanjutan tempoh adalah tertakluk dengan bayaran fi iaitu

permohonan pelanjutan kali pertama dikenakan RM300.00 dan permohonan pelanjutan kali kedua RM600.00.

5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan mengikat kepada semua kelulusan baru dan mana-mana kelulusan yang belum didaftarkan.



**DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD** D.P.S.K. KELANTAN  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN

**KEPADА :**

Yang Amat Berusaha,  
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

**SALINAN KEPADA :**

1. YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian  
Negeri Kelantan  
Blok 3, Kompleks Kota Darulnaim  
15576 Kota Bharu  
Kelantan.

Fail Kertas : PTG.KN.4/2/109 (31)  
Bertarikh : 22 Zulhijjah 1436H  
06 Oktober 2015